

NGO DARI KAWASAN MERAH DILARANG MASUK PAHANG UNTUK KERJA SUKARELA

TEMERLOH, 15 JANUARI 2021 : Kerajaan Negeri Pahang milarang para sukarelawan dari kawasan merah yang kini sedang menjalani Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk masuk ke Pahang bagi menjalankan kerja-kerja sukarelawan di kawasan banjir.

Menteri Besar Pahang, YAB. Dato' Sri Haji Wan Rosdy Wan Ismail berkata, tindakan tersebut diambil selepas mendapat nasihat dan pandangan daripada pelbagai pihak termasuklah Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Kesihatan Negeri Pahang, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan agensi berkaitan.

"Kerajaan Negeri Pahang sangat mengalu-alukan bantuan dan pertolongan daripada para sukarelawan seluruh Malaysia tetapi kerana pelaksanaan PKP, pelbagai garis panduan perlu dipatuhi bagi mengekang penularan wabak pandemik COVID-19 ini.

"Walau bagaimanapun, sukarelawan dari kawasan hijau, mereka boleh membuat permohonan secara dalam talian dan sekiranya mendapat kebenaran daripada PDRM, mereka dibenarkan datang untuk membantu mangsa-mangsa banjir di negeri ini," katanya ketika ditemui pada *Flagship Program Sukarelawan Pahang* di Kampung Pengkalan Jaya, Lebak, di sini, hari ini.

Hadir sama ialah YB. Setiausaha Kerajaan Pahang, Dato' Sri Dr. Sallehuddin Ishak; Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar, Perladangan dan Komoditi Negeri Pahang, YB. Dato' Sri Haji Mohd Sharkar Haji Shamsudin dan Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang, YB. Dato' Sri Hajah Shahaniza Shamsuddin.

Pada program itu, YAB. Dato' Sri Haji Wan Rosdy turut menyampaikan bantuan kepada beberapa rumah yang ditenggelami banjir baru-baru ini.

Dalam pada itu katanya, bagi sukarelawan yang berhasrat untuk menghantar sumbangan atau pun bantuan dalam bentuk barang, ia boleh dilakukan dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan.

Kesemua sukarelawan boleh mendaftarkan diri menerusi laman web <https://e-banjir.pahang.gov.my> bagi memohon kebenaran untuk menyampaikan sumbangan berkenaan dan menyemak status kelulusan permohonan selain mendapatkan surat kebenaran daripada pihak PDRM.

Kesemua proses permohonan adalah menerusi dalam talian bagi mengurangkan risiko penyebaran COVID-19. – **PAHANGMEDIA**

Disediakan oleh Unit Komunikasi dan Media Pahang (UKOMP)

**#MajuTerusPahang
#Pahang1st
#KerajaanNegeriPahang
#PahangGo**

Oleh : Fansurina Abdullah

Foto : Muhammad Muslimi Abd Razak

(LIPUTAN BERGAMBAR)





PAHANG MEDIA
MUHAMMAD MUSLIMI



PAHANG MEDIA
MUHAMMAD MUSLIMI